

DBKL roboh kandang haram atas rizab jalan

Kuala Lumpur: Kandang ayam, itik dan kambing yang dibina secara haram di atas rezab jalan dirobohkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dalam operasi bersepadu di Taman Golden, Jalan Ipoh di sini, kelmarin.

DBKL dalam kenyataan berkata, kandang itu dibina tanpa kelulusan dikenakan tindakan roboh atas kesalahan membina struktur tambahan hingga menutup longkang awam, jalan dan laluan awam.

Katanya, kesalahan itu dilakukan mengikut Seksyen 46 Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974.

“Semua sisa struktur yang diroboh sudah dilupuskan DBKL manakala haiwan ternakan dipindahkan ke Unit Vektor Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar (JKAS) DBKL bagi tujuan rekod dan dokumentasi lanjut,” katanya.

Operasi dilakukan dengan kerjasama polis, Tenaga Nasional Berhad (TNB), Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd dan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam serta Alam Flora Sdn Bhd.

Pihaknya akan teruskan tindakan dan pemantauan dari semasa ke semasa.